

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Barisan hadapan terima anugerah Ibn Khaldun

Oleh ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN

zareeh.hs@mediamulla.com

KUALA LUMPUR: Seluruh petugas barisan hadapan sektor kesihatan dan keselamatan menerima Anugerah Merit Ibu Khaldun bagi kategori Transformasi Sosial Peringkat Global 2020.

Anugerah disampaikan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan diterima Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah yang mewakili petugas berkenaan di Institut Ketamadunan dan Pemikiran Islam Antarabangsa (Istac), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di sini semalam.

Dalam titah baginda, Tunku Azizah menzahirkan rasa bangga terhadap golongan barisan hadapan yang menjadikan Malaysia sebagai negara yang pantas mengawal penularan pandemik Covid-19.

“Saya berbangga kerana Malaysia berjaya menyediakan beberapa respons dengan cepat bagi melindungi rakyat Malaysia. Usaha ini bukan daripada kerajaan sahaja tetapi turut melibatkan rakyat.

“Kita tahu dengan pandemik ini, kehidupan menjadi lebih sukar namun pekerja barisan hadapan terus menjalankan tugas dengan cemerlang.

“Saya sangat menghargai



TUNKU Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mengurniakan Anugerah Merit Ibn Khaldun bagi Transformasi Sosial Peringkat Global kepada petugas barisan hadapan yang diwakili Dr. Noor Hisham Abdullah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

jasa pekerja-pekerja barisan hadapan yang telah bekerja keras sepanjang pandemik” titah Tunku Azizah.

Justeru, titah Tunku Azizah lagi, anugerah tersebut adalah bagi menzahirkan penghargaan, penghormatan serta mengiktiraf kerja keras dan usaha mereka sepanjang pandemik.

Turut hadir pada majlis

tersebut ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad; Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Datuk Dr. Mohd Daud Bakar dan Rektor UIAM, Prof Ir. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak.

Sementara itu, UIAM dalam kenyataan memaklumkan, penganugerahan tersebut melambangkan penghargaan yang tidak terhingga terhadap

usaha dan jasa barisan hadapan dalam membantu secara langsung memerangi Covid-19.

“Petugas barisan masih bertungkus-lumus mengekang dan cuba memutuskan rantaian pandemik Covid-19.

“Sehingga hari ini jangkitan Covid-19 belum berakhir dengan tiap-tiap hari Kementerian Kesihatan masih merekodkan pesakit baharu,” katanya.